

11/05/1997

Anwar memangku Presiden Umno

KUALA LUMPUR: Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memangku jawatan Presiden Umno sepanjang dua bulan percutian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai 19 Mei ini.

Perdana Menteri berkata, sepanjang ketiadaannya, Anwar akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) dan menjalankan tugas lain membabitkan parti.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Ibu Pejabat Umno di sini semalam, Dr Mahathir berkata, beliau turut memaklumkan kepada MT mengenai percutiannya.

"Saya sudah melaporkan kepada MT saya akan bercuti selama dua bulan dan sewaktu saya bercuti, Datuk Seri Anwar akan menjadi pemangku presiden dan mempengerusikan mesyuarat MT serta menjalankan tugas lain membabitkan parti," katanya.

Khamis lalu, ketika kembali dari lawatan rasmi ke tiga negara di Afrika, Perdana Menteri mengumumkan bahawa beliau akan bercuti rehat untuk tempoh itu bagi menjalankan kerja peribadi, termasuk menulis catatan pengalaman sewaktu menjalankan tugas.

Beliau mengumumkan bahawa Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri, akan menjadi Pemangku Perdana Menteri.

Sementara itu, Anwar yang turut hadir dalam sidang akhbar semalam, berkata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, akan bercuti sehingga kes membabitkan beliau di mahkamah Australia selesai.

"MT setuju Muhammad bercuti sehingga selesai kes mahkamah di Australia. Maknanya beliau tidak akan hadir dalam semua urusan mesyuarat yang membabitkan beliau sebagai Naib Presiden," katanya.

Dalam mesyuarat MT semalam, Muhammad juga tidak hadir.

Ditanya sama ada MT mengarahkan Muhammad berbuat demikian, Dr Mahathir menjelaskan Muhammad sendiri memohon untuk bercuti daripada menghadiri mesyuarat MT sehingga kesnya selesai.

Muhammad yang menghadapi dua tuduhan berhubung cubaan membawa keluar wang bernilai RM2.4 juta di Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember lalu, sebelum ini meletakkan jawatan Menteri Besar Selangor pada 14 April lalu serta Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata, tempat Muhammad sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor akan diambil alih oleh Datuk Abu Hassan Omar, manakala Datuk Suleiman Mohammed sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(END)